

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**AKAD PERTUKARAN MENURUT ULAMA
KLASIK DAN APLIKASINYA DALAM
AKAUN EMAS DI MALAYSIA**

AEMY BIN AZIZ

Tesis ini dikemukakan bagi
memenuhi keperluan pengurniaan ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Julai 2025

ABSTRAK

Kemunculan produk akaun pelaburan emas dalam sistem kewangan Islam kontemporari telah menimbulkan keperluan mendesak terhadap penelitian hukum Syariah, khususnya dalam aspek akad pertukaran. Namun demikian, wujud beberapa permasalahan kritikal yang belum ditangani secara tuntas. Antaranya ialah kekurangan kajian spesifik berkenaan kriteria akad pertukaran emas menurut ulama klasik, ketiadaan panduan komprehensif untuk menilai operasi akaun emas yang masih baharu dalam industri kewangan Islam, serta ketidakpastian dalam membuktikan tahap kepatuhan Syariah bagi aplikasi semasa oleh institusi kewangan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi mencapai tiga objektif utama: (1) mengenal pasti kriteria akad pertukaran menurut ulama klasik; (2) menganalisis bentuk pelaksanaan akad dalam produk akaun pelaburan emas oleh institusi kewangan Islam di Malaysia; dan (3) menilai sejauh mana tahap pematuan Syariah aplikasi semasa. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif yang dilaksanakan melalui tiga langkah utama. Langkah pertama melibatkan kajian kepustakaan dan kajian kitab terhadap teks utama empat tokoh klasik menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan komparatif. Langkah kedua ialah kajian lapangan melalui temu bual separa berstruktur bersama 11 orang responden industri daripada lima institusi kewangan Islam. Langkah ketiga melibatkan temu bual bertema bersama sembilan orang pakar rujuk Syariah bagi mengesahkan dan memperkukuh dapatan awal. Data dianalisis dengan menilai konsep akad pertukaran dalam sumber klasik, seterusnya dibandingkan dengan amalan semasa dan diuji kesahihannya berdasarkan prinsip-prinsip fiqh muamalat. Hasil kajian menunjukkan bahawa kriteria seperti *al-'adālah* (keadilan), *milkiyyah tām* (pemilikan sempurna), *wuḍūh al-'aqd* (kejelasan kontrak) dan *taqābuḍ* (serahan sebenar) merupakan asas utama akad pertukaran emas menurut ulama klasik. Dapatan turut menunjukkan beberapa aspek keselarasan antara prinsip klasik dan pelaksanaan semasa seperti pemindahan pemilikan segera dan ketelusan maklumat dalam setiap akad yang dijalankan oleh dua pihak yang berkontrak. Kajian turut mendapati bahawa institusi kewangan menggunakan pelbagai model kontrak seperti *al-wakālah*, *al-murābahah* dan kontrak hibrid untuk tujuan operasi dan kawalan risiko, namun pemahaman terhadap pemilikan fizikal dan pelaksanaan prinsip *taqābuḍ* masih belum jelas sepenuhnya. Dari lima institusi yang dipilih bagi sample kajian, empat darinya adalah patuh syariah dan satu institusi tidak patuh syariah. Bagi menangani isu tersebut, kajian ini mengemukakan satu cadangan parameter sokongan berasaskan prinsip *taqābuḍ* yang boleh dijadikan asas penstrukturan produk pelaburan emas patuh Syariah. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa prinsip fiqh muamalat klasik kekal relevan dan penting sebagai rujukan utama dalam menilai dan membangunkan produk kewangan Islam. Kajian ini memberikan implikasi besar terhadap pembentukan dasar, pembangunan fatwa dan peningkatan keyakinan masyarakat terhadap pelaburan emas yang mematuhi prinsip Syariah. Kajian lanjutan disarankan agar meneliti keberkesanan parameter sokongan yang dicadangkan dalam konteks pelaksanaan operasi sebenar institusi kewangan.

Kata kunci: Akad Pertukaran Islam, Fiqh Muamalat, Institusi Kewangan Islam, Parameter Transaksi, Pelaburan Emas Patuh Syariah.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian hanyalah kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kajian ini telah dapat disempurnakan dengan sebaiknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW penghulu sekalian para Nabi dan suri teladan sepanjang zaman.

Tidak dapat dinafikan, proses penyediaan dan penulisan tesis ini, telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan. Kepada Allah jualah tempat memohon *tawfīq* dan *qadā'* dan *qadar*-Nya jua saya telah mendapat bimbingan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia merangkap guru saya, yang amat saya hormati Profesor Madya Dr. Hadenan bin Towpek dan Profesor Madya Dr. Amal Hayati binti Ishak atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta bantuan yang beliau berikan kepada saya selama ini terutamanya semakan setiap bab tesis, aspek metodologi penyelidikan dan analisis kajian. Selain itu, ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua sahabat kakitangan di sektor perbankan Islam, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang sentiasa memahami serta memudahkan urusan kerja dan secara tidak langsung melancarkan lagi proses kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berjuang menyiapkan tesis sama ada di bawah seliaan Profesor Madya Dr. Hadenan bin Towpek mahupun selainnya kerana masih mampu membantu saya meskipun sibuk dengan tugas jabatan, tesis dan sebagainya. Seterusnya tidak dilupakan ucapan jutaan terima kasih untuk semua pensyarah di ACIS UiTM Shah Alam, Johor dan Samarahan di atas bantuan, panduan, pandangan, kritikan, komentar, teknikal dan sebagainya dalam rangka mempertingkatkan kualiti tesis ini. Teristimewa buat kedua ibubapa, Aziz bin Mohamed dan [REDACTED] yang sentiasa mendoakan anaknya tidak dilupakan jasa isteri tercinta Ummu Asyikin binti Othman yang banyak mendorong dan menyokong serta anak yang disayangi dan dikasihi Muhammad Aqeef bin Aemy yang sentiasa memahami, serta seluruh ahli keluarga, Azwa Zafinny Aziz, Adhwa Amalia Aziz dan Nur Amalina Aziz, serta keluarga mertua yang tidak henti mendoakan.

Terima kasih atas segala pengorbanan semua. Semoga tesis ini memberi manfaat sepenuhnya kepada umat khususnya di Sarawak dan amnya di Malaysia serta selainnya. Kepada Allah jualah tempat memohon pertolongan.

Aemy bin Aziz
Bangunan Karyawan
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor
Segamat, Johor
14 Julai 2025; 11.50am

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI APENDIK	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
JADUAL TRANSLITERASI	xv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Permasalahan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Definisi Operasional Kajian	20
1.8 Skop Kajian	23
1.9 Pembahagian Bab Kajian	25
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	29
1.11 Kesimpulan	33

BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan	34
2.2 Kerangka Ekonomi Islam	35

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Wacana mengenai sistem ekonomi Islam telah bermula sejak era kerasulan Nabi Muhammad SAW, yang bukan sahaja membawa misi keagamaan, bahkan turut merintis prinsip-prinsip ekonomi yang berpaksikan Syariah. Dalam konteks masyarakat Madinah, sistem ini tidak terhad kepada aspek teoretikal semata-mata, sebaliknya diaplikasikan secara langsung dalam amalan kehidupan seharian. Antara prinsip utama yang ditegakkan termasuklah keadilan dalam transaksi, pengharaman riba, serta larangan terhadap unsur penipuan dan ketidakpastian dalam urusan niaga muamalat. Aktiviti ekonomi seperti perdagangan, pertanian dan pengurusan harta dilakukan berlandaskan etika Islam yang menyeimbangkan kepentingan material dengan kesejahteraan sosial dan moral.

Pasca kewafatan baginda SAW, sistem ekonomi Islam terus berkembang melalui peranan para sahabat, *tābi'īn* dan ulama sepanjang zaman yang memperhalusi dasar-dasar ekonomi berasaskan sumber al-Quran dan hadis. Mereka menyusun serta membentuk kerangka hukum berkaitan akad-akad pertukaran seperti jual beli, sewaan, dan pinjaman, bagi memastikan transaksi dijalankan secara sah, adil dan bebas eksploitasi. Menurut Chapra (1980), evolusi ini bersifat berterusan dan dinamik, menyesuaikan prinsip Islam dengan realiti sosioekonomi semasa tanpa menjejaskan asas syarak. Malah pelbagai instrumen dan pendekatan baharu telah diperkenalkan selaras dengan keperluan kontemporari, termasuk dalam bidang pelaburan dan kewangan Islam moden.

Perkembangan pemikiran ekonomi Islam turut memperlihatkan fleksibiliti sistem ini dalam menangani cabaran zaman. Ulama dan pemikir Islam memainkan peranan penting dalam menyesuaikan prinsip asas seperti keadilan dengan tuntutan semasa, termasuk aspek tadbir urus yang baik dan pembangunan mampan. Sumber utama seperti al-Quran, hadis serta karya-karya ulama klasik menjadi rujukan utama dalam